BH Yew Architect
15th FLOOR MENARA AMMETLIFE
NO. 1 JALAN LUMUT 50400 KUALA LUMPUR
**T** (603) 4043 1346 **F** (603) 4043 1349

ACKNOWLEDGEMENT RECEIPT
TERIMA
09 JAN 2017
JABATAN BANGUNAN
M.P.S.P
NAME
DATE
I/C NO :

Tarikh : 04hb Jan 2017
Ruj. Kami : BHY-55714-1/PPPW/MPSP/BP-011
**Ruj Tuan : MPSP/40/20-73/42**

**Yang Di Pertua**
**Majlis Perbandaran Seberang Perai**
Jalan Perda Utama, Bandar Perda
14000 Bukit Mertajam.
**Pulau Pinang.**
**(U/P Jabatan Bangunan)**

**Tuan,**

**CADANGAN MEMBINA PEMBANGUNAN BERCAMPUR DI ATAS LOT 21135, PERSIARAN CASSIA BARAT 3, MUKIM 13, SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG YANG MENGANDUNGI: -**

**FASA 1**
**A. 2 BLOK PANGSAPURI PERKHIMATAN 18 TINGKAT (612 UNIT).**
**B. KEDAI PEJABAT 3 TINGKAT (196 UNIT).**
**C. 5 TINGKAT TEMPAT LETAK KENDERAAN.**

**UNTUK TETUAN PARAMOUNT PROPERTY (PW) SDN BHD.**

**Per: Permohonan Menggunakan Kaedah 'Hydraulic Hammer' Untuk Kerja-Kerja Cerucuk**

Dengan hormatnya kami merujuk surat daripada pihak tuan dengan nombor rujukan **MPSP/40/20-73/42** bertarikh 30 November 2016, kami bagi pihak Tetuan Paramount Property (PW) Sdn Bhd ingin mengemukakan rayuan bagi menjalankan kerja-kerja cerucuk dengan kaedah 'hydraulic hammer', di mana ianya bukan seperti yang disyaratkan dalam kelulusan pelan.

2. Kami ingin meminta pihak tuan mempertimbangkan pengguna kaedah 'hydraulic hammer' untuk kerja-kerja cerucuk disebabkan tapak pembangunan merupakan kawasan yang berpaya, jenis tanahnya adalah lembut dan kurang mampat. Tambahan pula, reka bentuk kerja-kerja cerucuk adalah berdasarkan kepada reka bentuk geseran cerucuk di mana penembusan ke lapisan keras adalah penting untuk mencapai kapasiti muatan cerucuk kerja. Mesin suntikan longgokan mungkin tidak dapat menembusi lapisan keras melalui jack dalam gerakan untuk mencapai kapasiti fiksyen strata tanah, manakala mesin tukul cerucuk hidraulik boleh menembusi lapisan keras melalui gerakan mengetuk pada kedalaman yang diperlukan untuk mencapai kapasiti fiksyen diperlukan.

3. Bersama-sama kami lampirkan dokumen-dokumen sokongan daripada pihak berkaitan:
- Surat tiada halangan daripada Syarikat PE Land bagi mengunakan kaedah 'hydraulic hammer' untuk kerja-kerja cerucuk;
- Surat Akujanji daripada pihak Paramount Property (PW) Sdn Bhd akan bertanggungjawap memperbaiki segala kerosakan ke atas struktur-stuktur berdekatan yang disahkan akibat menggunakan kaedah 'hydraulic hammer'.
- Surat justifikasi technikal daripada Perunding Kelana (pihak jurutera awam and struktur) berserta
- Surat rayuan menggunakan kaedah ceruk teracu (driven pile) bagi semua kerja-kerja penanaman cerucuk.

Tarikh : 4hb Jan 2017
Ruj. Kami : BHY-55714-1/PPPW/MPSP/BP-011
**Ruj Tuan : MPSP 40/30-73/90**

*Muka surat 2*

***Permohonan Mengunakan Kaedah 'Hydraulic Hammer" Untuk Kerja-Kerja Cerucuk***

Kami berharap mendapat maklumbalas daripada pihak tuan secepat mungkin. Segala kerjasama daripada pihak tuan kami dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

**BH YEW ARCHITECT**

.....

**Ar. Yew Bu Hwa**

Sk - Tetuan Paramount Property (PW) Sdn. Bhd.
- Tetuan Perunding Kelana